



KOPI PAHIT

En. Khir Johari berasa sangat sedih, bahawa masih ramai warga negara Malaysia mengucapkan "Good Morning – bukan Selamat Pagi". Di dalam riwayat sejarah, apabila Amir datang ke Madinah berjumpa Nabi ia berkata kepada Nabi "Selamat pagi ya Muhammad" – Nabi bersabda menegur Amir dengan mengatakan: bahawa itu penghormatan Jahiliyah, kami di ajar dengan memberi salam. Jadi bagaimana? – Tidak ada ulasan . . .

* * *

En Khir Johari bilang seorang murid mendapat "P" dalam Sains dan Hisab, dan seorang murid lain mendapat "A" dalam agama dan lukisan, keutamaan akan diberi kepada yang mendapat "P" dalam Sains dan Hisab. Demikianlah penghargaan dan nilai yang diberi oleh En Khir Johari. Habis – bagaimana? Tak ada ulasan . . .

* * *

Menurut seorang penulis akhbar dikatakan, bahawa apabila Senator Aisyah Ghani sampai di Uzbek, maka wanita-wanita di sana bertanya: "Adakah beliau Muslimah?" Dan apabila beliau mengiakan, maka mereka pun terus menunjukkan ramah mesra sebagai seorang saudara Muslim. Di dalam masa orang-orang muhajirin berhijrah bersama-sama Nabi ke Madinah, maka mereka yang tidak dikenal dan tidak ada sesuatu maslahat di antara satu sama lain terus menunjukkan rasa persaudaraan – inilah yang dijanjikan Allah nikmat kepada umat Muslimin terletak di dalam hati-hati mereka dari dahulu sampai sekarang. Sebab itu berkewajipanlah tiap-tiap

seorang Muslim menghidupkan semangat "ukhwah Islamiyyah" supaya hidup di dalam jiwanya kalau seorang Muslim itu sakit – yang lain akan merasa sakitnya – siapakah yang menghubungkan rasa muhibbah di antara Aisyah Ghani dengan wanita-wanita Muslimat di Uzbek?

* * *

"Saya mendapat kesan dalam hal adat kebudayaan mereka (Di Uzbek – P) agak kolot lagi.. di kampung-kampung dan di luar bandar kebanyakan wanita masih bertudung lagi, mungkin untuk melindungi kepala dari sejuk. Gaun-gaun mereka panjang lepas lutut. Mini skirt hanya dipakai oleh gadis-gadis sahaja . . . pakaian itu serong." – kenyataan Senator Aisyah menurut orang di sana dipandang Ghani yang disiarkan oleh sebuah akhbar harian di ibu kota.

Seterusnya ia menyatakan: "Suatu hal yang menarik saya ketika berkunjung ke rumah-rumah mereka di Uzbek ialah kaum wanita mereka tidak merokok atau pun minum, walau pun di hadapan kami dihidangkan dengan minuman "Champagne." Di Uzbek penduduknya orang Islam. Jadi bagaimana? Tidak ada komen . . .

* * *

Di dalam sebuah akhbar harian Melayu di ibu kota menyiarkan bahawa Senator Aisyah Ghani dan Nik Safiah dikatakan menyatakan menyalahkan sikap pemuda-pemudi yang terpengaruh dengan kebudayaan Barat. Di dalam al-Qur'an *Sūrah al-Nūr* ayat (31) berbunyi (maksudnya) "Suruhlah mukminat menundukkan sebahagian dari pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka

dan janganlah menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang zahir dairpadanya: dan hendaklah mereka menutup dada-dada mereka dengan tudung-tudung mereka . . ." Benda yang zahir menurut hadith ialah muka dan tangan hingga pergelangan tangan. Apakah adat Islam yang dipakai ni kolot? Ini hanya pertanyaan sahaja!

* * *

Menurut kenyataan Tengku Abdul Rahman yang tersiar di dalam akhbar terdapat 87 orang Islam yang telah memasuki agama Kristian. Menurut Tengku, mereka dipujuk oleh pengembang-pengembang agama Kristian dengan cara memberi wang dan sebagainya. Untuk ini, Tengku menyatakan bahawa kerajaan akan menghalau keluar paderi-paderi yang didapati menjalankan kegiatan menarik orang-orang Islam memasuki agama Kristian – tidak ada ulasan . . .

* * *

Masuk Kristian – Datuk Ungku Omar, selaku Pengurus Kolej Islam bilang perkara ini tidak boleh dibiarkan berleluasa dan untuk mengatasinya bukanlah dengan meluaskan undang-undang, tetapi dengan cara membuktikan dan memberikan contoh kepada mereka tentang kebaikan agama Islam.

* * *

En. Ismail Hitam Yang Dipertua Pejabat Agama Selangor menyatakan: "Dengan membaca Qur'an dan kitab-kitab sahaja tidak boleh mempengaruhi orang yang tidak begitu tegas dalam hal ehwal agama."

Senator Aisyah Ghani dan Nik Safiah telah sepakat menyalahi sikap Pemuda-pemudi yang terpengaruh dengan kebudayaan Barat hingga mudah menukar agama.

Cemeti al-Farouk bagaimana? Tidak ada ulasan. Hanya mengulangkan peringatan Allah: "Hai orang-orang yang beriman! Mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang kamu tidak perbuat?"

Cemeti al-Farouk